

30 OCT 2003

MAHATHIR-BUMIPUTERA/I

DR MAHATHIR TAK PUAS HATI DENGAN PENCAPAIAN EKONOMI BUMIPUTERA

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan rasa tidak puas hati dengan pencapaian bumiputera dalam bidang ekonomi.

"Saya tidak puas hati," katanya apabila ditanya tentang prestasi usahawan bumiputera di sidang media selepas membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) di Dewan Rakyat.

"Mereka sepatutnya mencapai sasaran 30 peratus menjelang hujung 1990 tetapi hari ini, mereka masih di sekitar 18 peratus," katanya.

Beliau berkata jumlah sebenar penyertaan bumiputera dalam ekonomi kini kira-kira 400 kali lebih besar berbanding pada 1970-an, "tetapi orang lain (bukan-bumiputera) juga meningkat mengikut masa, dan kerana itu, peratus pertumbuhan (bumiputera) tidak seperti yang kita inginkan," katanya.

Ini membimbangkan, kata Dr Mahathir.

"Kecuali jika anda dapat imbangkan pencapaian ekonomi bumiputera dengan bukan bumiputera, akan terdapat bahaya cemburu dan ia boleh dihebohkan oleh orang yang tidak bertanggung jawab," tambahnya.

Ketika ditanya samada kuota bumiputera yang disediakan kerajaan merupakan satu langkah yang mundur, Dr Mahathir berkata ia bukan satu langkah ke belakang kerana tanpa kuota daripada kerajaan, kontraktor bumiputera mungkin akan berdepan dengan masalah.

"Kalau tidak ada kuota, bumiputera mungkin tidak akan dapat apa langsung," katanya.

Dr Mahathir yang juga menteri kewangan berkata daripada pengamatan beliau, kontraktor bumiputera lebih bergantung kepada kerajaan untuk mendapatkan kontrak.

"Mereka takut untuk mendapat kontrak daripada sektor swasta kerana mungkin mereka tidak berjaya," katanya.

"Sebab itu mereka bergantung kepada kerajaan, kita tidak suka mereka bergantung kepada kerajaan tetapi kalau tidak ada kontrak daripada kerajaan, mereka tak akan dapat kerja," katanya.

Dr Mahathir berkata kontraktor bumiputera telah meningkat dari segi bilangan tetapi tidak dari segi kualiti.

"Orang meminta kita memberi kontrak kepada seramai orang yang boleh dan ada yang berkata kita tidak berlaku adil dengan tidak memberi kepada setiap orang.

"Jadi, kita beri kepada setiap orang, termasuk yang tidak berkeupayaan dan mereka merosakkan segala-galanya. Kini, kita terpaksa melakukannya sekali lagi, berpatah balik dan membuat penilaian mengenai siapa yang paling layak," katanya.

Dr Mahathir berkata jika kerajaan hanya menekankan kualiti, bilangan kontrak yang dikeluarkan akan kecil.

"Tetapi jika kita beri projek kepada setiap orang tanpa mengambil kira samada mereka berupaya atau tidak, anda akan berhadapan dengan kegagalan yang banyak," katanya.

Dr Mahathir berkata setiap orang akan bertanya kenapa sebahagian orang dapat kontrak tetapi yang lain tidak.

"Dia dapat kerana dia tahu, anda tak dapat pasal anda tidak tahu, tetapi anda kata anda juga mahukannya... ok, kita beri anda dan kita hadapi kegagalan," tambahnya. -- BERNAMA

WNZ MKO JR